

BAB 2 : MALAYAN UNION DAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

(1) Tamatnya Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu

1. TM dikuasai oleh Parti Komunis Malaya (PKM)
2. Pentadbiran Tentera British—selamatkan keadaan huruhara
3. PTB bercorak ketenteraan

(2) Keganasan PKM 14 hari

1. Jepun meninggalkan TM—berlaku kekosongan politik
2. PKM kuasai TM melalui MPAJA selama 14 hari.
3. MPAJA dikenali tentera Bintang Tiga.
4. MPAJA kuasai bandar, balai polis, pejabat kerajaan.
5. MPAJA jatuhkan hukuman sesiapa yang bekerjasama dengan Jepun.
6. Cukai kepala, cukai harta, cukai tanah diperkenalkan.
7. Menculik dan menyeksa yg bersubahat dengan Jepun.
8. Menghukum penduduk yg menganiayai orang Cina semasa pemerintahan Jepun.
9. Merampas harta benda orang kampung
10. Di Batu Pahat, PKM bunuh penghulu yang dianggap bersubahat dengan Jepun.
11. Seorang Pegawai Daerah cuba berunding dengan PKM dibunuh.
12. Di Jelebu, masjid dan surau telah dicemarkan.
13. Di Kg Bakor dan Sg Manik, Perak, - rumah dibakar
14. Berlaku ketegangan kaum kerana kebanyakan anggota PKM terdiri daripada orang Cina.
15. Orang Melayu bangun menentang PKM
16. Berlaku huru hara.
17. Orang Melayu pimpinan Kiai Salleh Karim bergabung tenaga utk serang Cina di Bandar Batu Pahat.
18. Dato' Onn Ja'afar, Pegawai Daerah Batu Pahat menghalang serangan tersebut.
19. Ketegangan kaum diatasi oleh Pentad Tentera British.

(3) Pentadbiran Tentera British (PTB)

1. Diketuai Ketua Pegawai Hal Ehwal Awam Sir Ralph Hone.
3. Tujuan PTB - melaksanakan pentadbiran peralihan sebelum pentadbiran awam diperkenalkan.
4. Antara kejayaan PTB
 - Menghapuskan penguasaan PKM
 - Memujuk PKM & MPAJA menyerahkan senjata.
 - Memberhentikan pergaduhan antara kaum
 - Mewujudkan keamanan
 - Menegakkan undang-undang.
5. Setelah PTB berjaya mengamankan Tanah Melayu, British melaksanakan pentadbiran Malayan Union.

(4) Malayan Union

1. Diisytiharkan oleh British pada 1 April 1946

2. di King's House (Carcosa Seri Negara), KL
2. Gabenor pertama - Sir Edward Gent.


(a) Tujuan Penubuhan Malayan Union

1. Membentuk bangsa Malayan Union supaya golongan imigran menumpukan kesetiaan
2. Kawal kuasa politik Melayu yang bekerjasama dgn Jepun
3. Jimat perbelanjaan - Negeri Selat, Negeri-Melayu Bersekutu & Negeri Melayu Tidak Bersekutu digabungkan
4. Jamin penguasaan British terhadap sumber ekonomi Tanah Melayu (pengeluar bijih timah dan getah)
5. Pastikan sumbangan golongan imigran sebagai sumber tenaga kerja dan pelabur tidak terjejas.
6. Kukuhkan pertahanan British
7. Wujudkan pentadbiran yang cekap dan seragam.
8. Sediakan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.

(b) Ciri-ciri Malayan Union

1. Mengubah status Tanah Melayu dari negeri naungan kepada Tanah Jajahan Mahkota.
2. Pentadbiran bersifat kesatuan.
3. Negeri Melayu Bersekutu, Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan dua buah Negeri Selat iaitu negeri Pulau Pinang dan Melaka digabungkan
4. Majlis Eksekutif dan Majlis Undangan Malayan Union dibentuk.
5. Diketuai gabenor British
6. Gabenor dilantik oleh Raja England.
7. Kewarganegaraan sama rata melalui prinsip *jus soli*.
8. Raja jadi ahli Majlis Melayu -bincang soal agama Islam dan adat istiadat Melayu.
9. Pesuruhanjaya Negeri bagi setiap negeri
10. Parlimen British - pemutus undang-undang.

(c) Bentuk pentadbiran Malayan Union



(d) Faktor penentangan terhadap Malayan Union

1. Penghapusan kedaulatan dan kuasa raja-raja Melayu
 - Raja Melayu - ahli Majlis Raja Melayu tanpa kuasa.
 - Kehilangan takhta dan maruah sebagai pelindung orang Melayu.
 - Pungutan zakat di bawah kuasa gabenor British
2. Tamadun orang Melayu terhakis
 - Sistem beraja, Bahasa Melayu & tulisan Jawi terhakis.
 - Ketuanan Melayu tercabar
 - Orang Melayu bimbang kehilangan tanah air.
3. Kerakyatan yang terlalu liberal
 - Kerakyatan jus soli ancam status quo orang Melayu sebagai peribumi.
 - Jumlah orang Melayu menjadi kecil akibat kemasukan golongan imigran
4. Membantah tindakan Sir Harold MacMichael
 - Mengancam menurunkan raja-raja Melayu daripada takhta sekiranya baginda tidak menerima Malayan Union.
 - Raja Melayu tidak diberikan masa yang cukup untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Negeri atau penasihat baginda seperti yang berlaku kepada Sultan Perak.

(e) Pihak yang menyokong Malayan Union

1. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM)
2. Angkatan Pemuda Insaf (API),
3. Angkatan Wanita Sedar (AWAS)
4. Barisan Tani Malaya (BATAS)
5. PKMM ditubuhkan oleh PKM di Ipoh, Perak.
6. Presiden pertama ialah Mokhtaruddin Lasso, Ketua Rejimen 10 Melayu, Parti Komunis Malaya.
7. Alasan menyokong Malayan Union:
 - i. penyatuan sistem pentadbiran di Tanah Melayu
 - ii. pentadbiran baru tidak berasaskan kuasa raja dan pembesar Melayu
 - iii. menyokong kerakyatan terbuka.
 - iv. Penyatuan pentadbiran agama Islam bagi seluruh Tanah Melayu
 - v. Percaya dengan janji British yang akan memberi kemerdekaan
8. Parti Komunis Malaya dan *Malayan Democratic Union* (MDU) sokong pendirian parti-parti tersebut.
9. MDU - parti politik di Singapura.
10. Terdiri daripada golongan berpendidikan Inggeris
11. MDU bersetuju dgn konsep kerakyatan yang terbuka kepada sesiapa sahaja.
12. MDU cadangkan Singapura dimasukkan ke dalam Malayan Union.

13. Golongan imigran sokong Malayan Union atas alasan yang sama.
14. Mereka bergabung dalam *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) - diketuai oleh Tun Tan Cheng Lock.

(f) Cara penentangan Malayan Union

1. **Penentangan Secara Individu**
 - Dato' Onn Ja'afar menulis surat kepada Utusan Melayu -seru Melayu adakan kongres dan tubuhkan United Malays Organisation (U.M.O).
 - Raja-raja Melayu bantah Malayan Union. Sultan Johor hantar surat kpd Setiausaha Tanah Jajahan
 - dapat sokongan bekas pegawai British yang pernah berkhidmat di TM- Frank Swettenam, R.O. Winstedt, Sir Frederick Weld dan Sir Cecil Clementi Smith - menentang cadangan Malayan Union secara terbuka dalam akhbar *The Times* di London.
2. **Penentangan melalui Akhbar**
 - menyuarakan bantahan melalui Majlis, Utusan Melayu dan Warta Negara.
3. **Langkah kolektif menentang Malayan Union;**
 - Demonstrasi secara aman - bantah cara Sir Harold MacMichael memperoleh tandatangan raja-raja Melayu.
 - membantah Malayan Union yg menghapuskan kedaulatan negeri Melayu dan kedudukan mereka sebagai anak negeri.
 - Persatuan Melayu ditubuhkan atau dihidupkan semula.- Persatuan Melayu Terengganu, Persatuan Kebangsaan Melayu Selangor.
 - Hantar telegram dan surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London.
 - Kongres Melayu pertama dibentuk.
 - i. diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946
 - ii. di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, KL
 - iii. Dihadiri 41 persatuan
 - iv. Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah rasmikan kongres - menderma \$5000.
 - v. Bersetuju tubuhkan United Malays National Organization (UMNO)/Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR).
 - vi. Pengerusi pertama -Dato' Onn Ja'afar.
 - Kongres Melayu kedua
 - i. diadakan pada 30 -31 Mac 1946.
 - ii. bantah pengisytiharaan Malayan Union
 - Kongres kedua memutuskan tiga perkara
 - i) minta raja-raja Melayu memulaukan majlis perlantikan Sir Edward Gent sebg Gabenor.
 - ii) minta orang Melayu yang dilantik menganggotai sebarang majlis pentadbiran Malayan Union memulaukan perlantikan

- iii) tuntutan orang Melayu berkahang selama tujuh hari dengan melilitkan kain putih pada songkok.
- adakan rapat umum semasa lawatan L.D. Gammans dan David Rees Williams di setiap bandar
- Peranan kaum wanita
 - i) Di Batu Pahat, Cikgu Zahara Abdullah berucap menentang Malayan Union.
 - ii) Di Rembau, Halimahton Majid berucap membantah Malayan Union.
 - iii) Datin Puteh Mariah mengetuai Bahagian Wanita Perikatan Melayu Perak dan bergabung tenaga dengan kaum lelaki menyokong kongres Melayu pada tahun 1946
 - iv) Di Selangor, Persatuan Kaum Ibu Selangor ditubuhkan untuk menentang Malayan Union.

(5) Penubuhan UMNO

1. Keputusan menubuhkan UMNO dibuat dalam Kongres Melayu pertama.
2. UMNO ditubuhkan secara rasmi pada 11 Mei 1946.
3. Yang Dipertua pertama - Dato' Onn Ja'afar.

(a) Tujuan penubuhan UMNO

1. **UMNO pada tahun 1946;**
 - Menentang Malayan Union.
 - satukan orang Melayu
 - wujudkan organisasi nasional.
 - Jaga kepentingan politik & ketuanan Melayu.
 - Majukan pendidikan orang Melayu.
 - Melindungi kepentingan orang Melayu
 - belum menuntut kemerdekaan.
3. **UMNO pada tahun 1949;**
 - Menjalankan fungsi sebuah parti siasah (politik)
 - mendirikan sebuah kerajaan merdeka.
 - Majukan orang Melayu
 - Menjadi pelindung kedaulatan tanah air.
 - Mula menuntut kemerdekaan.

(b) Perjuangan tokoh UMNO

- i) **Dato' Onn Ja'afar:**
 - pengasas UMNO.
 - pendidikan di Maktab Melayu K.Kangsar dan di England.
 - jawatan Pegawai Tadbir Johor.
 - wartawan terkenal.
 - Menteri Besar Johor
 - pulihkan keamanan di Batu Pahat
 - orang pertama menyeru orang Melayu bersatu
 - cadangkan menentang Malayan Union.
 - anjurkan Kongres Melayu
 - ahli jawatankuasa yang gubal Perlembagaan UMNO
- ii) **Dato' Panglima Bukit Gantang:**

- Setiausaha Agung UMNO yang pertama.
- Nama sebenar Abdul Wahab bin Abdul Aziz.
- pendidikan di Anderson School, Ipoh, dan Inner Temple, England.

- Tubuhkan Perikatan Melayu Perak dan menyokong Kongres Melayu
- Ketua Bahagian UMNO Perak.

iii) Dato' Nik Ahmad Kamil:

- Ahli J/kuasa UMNO Pusat dan Ketua UMNO Kelantan.
- Pendidikan di Sekolah Majlis Agama Islam, Kota Bharu dan Maktab Melayu Kuala Kangsar,
- melanjutkan pelajaran ke Lincoln's Inn, London, England
- jadi seorang peguam
- jadi Setiausaha Kerajaan Negeri sebelum menjadi Menteri Besar Kelantan.

iv) Zainal Abidin bin Ahmad

- intelektual Melayu yang terlibat dalam Kongres Melayu.
- uruskan persidangan kongres.
- cadangkan menambahkan "kebangsaan" ke dalam *United Malays Organization*. *United Malays Organization* menjadi *United Malays National Organization* (UMNO)

© Perkembangan UMNO

1. Majukan orang Melayu dalam politik, ekonomi, sosial dan pendidikan.
2. perjuangkan perpaduan orang Melayu
3. perjuangan UMNO direstui oleh sultan dan raja-raja Melayu.
4. Kerjasama antara sultan dan raja-raja dengan rakyat
5. Perjuangan UMNO
 - satupadukan orang Melayu
 - Menubuhkan Malayan Union
 - hapuskan semangat kenegerian
 - wujudkan parti politik bercorak kebangsaan
 - Memperjuangkan ketuanan Melayu
 - Majukan pendidikan orang Melayu
 - Mengusahakan kemajuan ekonomi dan kebajikan orang Melayu

(d) Lambang-lambang UMNO

1. Logo UMNO mengandungi tulisan Jawi iaitu PEKEMBAR.
2. Cogan kata UMNO, "Hidup Melayu" dicipta oleh Dato' Onn Ja'afar
3. Cogan kata UMNO "Hidup Melayu" ditukar kepada "Merdeka" atas cadangan wakil Pemuda Bahagian UMNO Batu Pahat iaitu Syeikh Ghariieb Raub.
4. Pemilihan bendera UMNO diputuskan dalam persidangan dalam persidangan UMNO di Ipoh, Perak
5. Bendera UMNO dicadangkan oleh Ikatan Setia Kampung Baru, Kuala Lumpur.
 - i. Warna bendera UMNO
 - merah - keberanian,

- putih - kesucian dan keikhlasan
 - kuning dalam bulatan - lambang raja
 - ii. Keris hijau - lambang agama Islam.
 - iii. Keris melambangkan tamadun Melayu.
6. Bendera UMNO dikibarkan buat kali pertama pada Mesyuarat Agung UMNO di Pulau Pinang.

(6) Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948

1. Persekutuan Tanah Melayu - 1 Februari 1948 menggantikan Malayan Union.
2. Pertemuan raja-raja Melayu dengan British di Kuala Kangsar
3. Rundingan British dengan UMNO di P.Pinang
4. Ketegasan raja-raja Melayu dan UMNO menolak Malayan Union menyebabkan British mengadakan rundingan rasmi
5. Serahan memorandum menyatakan bantahan terhadap Malayan Union secara rasmi kepada British.
6. Jawatankuasa Eksekutif ditubuhkan - dianggotai oleh pegawai kanan British, wakil raja Melayu dan wakil UMNO.
7. Perbincangan di King's House, Kuala Lumpur.
8. Beberapa tuntutan dikemukakan
 - sebuah persekutuan bagi seluruh Semenanjung Tanah Melayu.
 - menolak kerakyatan *jus soli*.
 - taraf negeri naungan bg negeri Melayu dipulihkan semula.
 - Desak raja-raja Melayu menjadi ketua negeri Melayu.
9. British bersetuju membentuk Persekutuan Tanah Melayu kerana tidak mahu orang Melayu menentang British secara kekerasan.
10. British tidak mahu Parti Komunis Malaya mempengaruhi orang Melayu.
11. Sikap sederhana orang Melayu bekerjasama dengan British dan sikap para pemimpin parti UMNO yang menggunakan rundingan pengaruhi dasar kerajaan British.
12. British menjalankan dasar dekolonisasi yang digalakkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.
13. Rundingan British dgn raja Melayu dan UMNO berakhir dgn Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

(a) Ciri Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu

- Konsep Raja Berperlembagaan.
- Majlis Raja-Raja Melayu menggantikan Majlis Melayu.
- Perlindungan istimewa kepada orang Melayu

- Syarat kerakyatan diperketatkan.
- Gabungan 11 buah negeri
- Pesuruhjaya Tinggi British - Ketua Persekutuan. Dibantu oleh Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan.

(b) Perbezaan pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu dengan Malayan Union

1. Ketua pentadbiran
 - Persekutuan Tanah Melayu - *Pesuruhjaya Tinggi British* dan *Majlis Raja-Raja Melayu*
 - Malayan Union - *Gabenor British*.
2. Kuasa di peringkat pusat
 - *Majlis Mesyuarat Eksekutif, Majlis Mesyuarat Perundangan Persekutuan* dan *Majlis Raja-Raja Melayu* mempunyai kuasa di peringkat pusat dalam Persekutuan Tanah Melayu.
 - Peringkat pusat Malayan Union ialah *Parlimen British*.
3. Kuasa di peringkat negeri
 - *Sultan, Menteri Besar* dan *Majlis Mesyuarat Negeri* mempunyai kuasa di peringkat negeri dalam pentadbiran Persekutuan Tanah Melayu.
 - Kuasa di peringkat negeri Malayan Union ialah *Pesuruhjaya Negeri-Negeri* dan *Majlis Mesyuarat Negeri*.
4. Ketua agama Islam dan adat istiadat Melayu
 - Persekutuan Tanah Melayu ialah *Sultan negeri*
 - Malayan Union ialah *Gabenor British*.
5. Bahasa pentadbiran
 - Persekutuan Tanah Melayu - *bahasa Melayu* dan *bahasa Inggeris*
 - Malayan Union - *bahasa Inggeris*.

(c) Perbezaan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu dengan Malayan Union.

1. **Secara kuat kuasa undang-undang**
 - i) Persekutuan Tanah Melayu:
 - *Jus soli* hanya terbuka kepada Rakyat raja dan Rakyat British.
 - Pemohon lahir di luar negeri tetapi bapanya adalah rakyat raja atau rakyat British.
 - ii) Malayan Union:
 - *Jus soli* bagi mereka yang lahir di Malayan Union, Singapura dan tanah jajahan British yang lain.
2. **Secara permohonan**
 - i) Persekutuan Tanah Melayu:
 - Pemohon berusia 21 tahun, tidak ada rekod jenayah serta bersetuju taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.
 - telah tinggal selama lapan daripada 12 tahun di Tanah Melayu serta boleh bertutur bahasa Melayu atau bahasa Inggeris.

ii) Malayan Union:

- Pemohon tinggal selama lima daripada tujuh tahun dari tarikh permohonan.
- Anak angkat pemohon rakyat Malayan Union.

(7) **Rumusan**

1. Perpaduan Melayu membolehkan mereka menolak Malayan Union.
2. Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu mengembalikan semula *status quo* orang Melayu.
3. Peranan pemimpin berkaliber penting untuk mendukung perjuangan bangsa.
4. Kita harus berganding bahu untuk memajukan diri dan mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara.